

PRUMan & PRULady Khas untuk *lelaki & wanita*

Lelaki dan wanita jelas berbeza. Itu sebabnya kami telah mereka satu plan penyakit kritikal khusus untuk memenuhi keperluan unik setiap individu.



PRUDENTIAL

100
tahun
di Malaysia




Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad
198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

Nikmati manfaat PRUMan & PRULady yang menyediakan perlindungan khusus serta ganjaran untuk lelaki dan wanita.

Perlindungan sehingga 260% untuk masa depan anda dengan:



Penyakit Kritikal Khusus Jantina

(100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA))

- Kanser Khusus Jantina
- Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk (PRULady)/Distrofi Otot (PRUMan)



Karsinoma-in-situ (CIS)

(50% daripada BSA¹)



Manfaat Penjagaan Kesuburan

(sehingga 20% daripada BSA, tertakluk kepada RM15,000 seumur hidup, dilindungi sehingga umur 45 tahun)

- Kriopreservasi Oosit/Sperma akibat kanser/CIS yang dilindungi semasa rawatan kemoterapi/radioterapi
- Rawatan Persenyawaan In-Vitro (IVF)/Inseminasi Intrauterin (IUI)²



Manfaat Pemulihan

(sehingga 60% daripada BSA)

- Melindungi 7 keadaan (PRULady)/9 keadaan (PRUMan) untuk perjalanan pemulihan jangka panjang anda



Manfaat Penjagaan Kehamilan & Manfaat Penjagaan Bayi (PRULady)

(10% daripada BSA, dilindungi sehingga umur 50 tahun)

Manfaat Penjagaan Kesihatan

(pembayaran balik sehingga RM250 setiap lawatan, tertakluk kepada RM5,000 seumur hidup)



Rawatan Psikoterapi/Lawatan Psikiatri akibat

- Gangguan Kemurungan; dan/ atau
- Kecelaruan Keresahan




Lawatan Pakar Dermatologi akibat

- Diagnosis Jerawat Teruk

Perolehi Ganjaran Tunai dengan:

Manfaat Meraikan Kehidupan (3% daripada BSA), sehingga 3 tuntutan Peringkat Kehidupan³ yang dipilih



Perkahwinan




Memiliki Hartanah



Mempunyai Anak



Setiap Ulang Tahun Perkahwinan ke-10




Melengkapkan 3 Matlamat Kecergasan (dengan pensijilan) daripada mana-mana yang berikut:

- Maraton separuh/ penuh
- Menakluki gunung



Kenaikan Pangkat Pekerjaan




Memiliki Kereta



Penggandaan Pendapatan Tahunan



Melancong ke 10 Negara yang berlainan



Persaraan (sehingga 9% daripada BSA apabila mencapai umur 55)⁴

Ganjaran Wang Tunai Emas

5% daripada TPP

60

5% daripada TPP

65

Manfaat Bayaran Balik Wang

100% daripada TPP

70

Anda akan menerima jaminan bayaran balik premium penuh pada umur 70 tahun apabila polisi matang!

Perlindungan Penyakit Kritikal Khusus Jantina dan Manfaat Penjagaan Kesuburan

Sokongan Kesihatan Mental

Ganjaran Tunai untuk Meraikan Peristiwa Penting Kehidupan

110% Jumlah Pulangan Premium

TPP: Jumlah Premium yang Dibayar

Rujuk contoh senario berikut di bawah untuk membayangkan perlindungan yang disediakan oleh pelan PRUMan & PRULady kami:

Jayden
Umur 20

RM80
sebulan, sehingga Umur 55

Jumlah Diinsuranskan Asas
RM50,000

Jessie
Umur 20

RM85
sebulan, sehingga Umur 55

Jumlah Diinsuranskan Asas
RM50,000

Jumlah Perlindungan Sehingga 260%

RM50,000	Penyakit Kritikal Khusus Jantina/Kematian/TPD (100% daripada BSA)	RM50,000
RM25,000	CIS (50% daripada BSA)	RM25,000
RM10,000	Manfaat Penjagaan Kesuburan (sehingga 20% daripada BSA)	RM10,000
RM30,000	Manfaat Pemulihan (sehingga 60% daripada BSA)	RM30,000
-	Manfaat Penjagaan Kehamilan (10% daripada BSA)	RM5,000
-	Manfaat Penjagaan Bayi (10% daripada BSA)	RM5,000
Sehingga RM5,000	Manfaat Penjagaan Kesihatan (RM250 bagi setiap lawatan)	Sehingga RM5,000
RM120,000	JUMLAH PERLINDUNGAN	RM130,000

Jumlah Perolehan Ganjaran Tunai

Sehingga RM4,500	Manfaat Meraikan Kehidupan (3% daripada BSA x 3)	Sehingga RM4,500
RM3,360	Ganjaran Wang Tunai Emas (5% daripada TPP x 2)	RM3,570
RM33,600 ⁵	Manfaat Bayaran Balik Wang (100% daripada TPP)	RM35,700 ⁶
RM41,460	JUMLAH GANJARAN TUNAI	RM43,770

Nota:

¹ Pembayaran manfaat ini (termasuk Kanser Prostat Peringkat Awal untuk PRUMan) akan mengurangkan manfaat yang perlu dibayar di bawah Penyakit Kritikal Khusus Jantina, Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Selepas itu, jumlah perlindungan bagi Penyakit Kritikal Khusus Jantina, Kematian atau TPD akan dikembalikan kepada Jumlah Diinsuranskan asal sebelum pembayaran manfaat ini, 6 bulan selepas tarikh diagnosis.

² Jumlah tuntutan yang perlu dibayar untuk rawatan IUI adalah sehingga 10% daripada BSA, tertakluk kepada RM7,500 seumur hidup.

³ Setiap kategori hanya boleh dituntut sekali sahaja kecuali Mempunyai Anak/Ulang Tahun Perkahwinan yang boleh dituntut sehingga 3 kali.

⁴ Tuntutan sehingga 9% daripada BSA (tolak sebarang tuntutan Manfaat Meraikan Kehidupan yang dibayar).

Nota:

⁵ Jumlah Premium yang Dibayar (TPP): RM33,600 | Kaedah Bayaran Premium Bulanan

⁶ Jumlah Premium yang Dibayar (TPP): RM35,700 | Kaedah Bayaran Premium Bulanan

Easy and Simple Enrolment (EASE) untuk polisi pranatal

Untuk
PRULady sahaja



Kini, anda boleh memiliki polisi **PRU**With You yang seterusnya dengan Mom and Baby Care tanpa laporan ginekologi dan hanya melalui pengisytiharan kesihatan yang mudah.

Nota Penting & Penafian

1. **PRU**Man dan **PRU**Lady adalah pelan insurans tanpa penyertaan dengan bayaran terhad diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Premium untuk polisi ini adalah tidak dijamin. Kami berhak:
 - Menyemak premium semasa tempoh pembayaran premium; dan/ atau
 - Menyemak premium dan meminta sebarang premium tambahan yang perlu dibayar selepas tempoh pembayaran premium semasa tempoh polisi,dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis terlebih dahulu sebelum ia berkesan pada Ulang Tahun Polisi berikut. Kadar premium untuk **PRU**Man dan **PRU**Lady ditunjukkan dalam laman web korporat Prudential di www.prudential.com.my.
Apabila premium disemak semula atau berlaku permintaan bagi sebarang premium tambahan yang perlu dibayar semasa tempoh polisi, kami juga akan menyediakan anda dengan pilihan untuk membayar premium yang sama atau tidak perlu membayar premium tambahan yang diminta, jika ada, tetapi amaun manfaat dan/ atau nilai serahan (yang mana berkenaan) di bawah polisi anda akan dikurangkan.
3. Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
4. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan **PRU**Man dan **PRU**Lady sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
5. Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda premium dan cukai (jika ada) yang telah anda bayar, tolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
6. **PRU**Man dan **PRU**Lady bukan produk patuh Syariah.
7. Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh PAMB. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan PAMB, maka polisi anda akan luput.
8. Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
9. Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
10. Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunapakai.

Prudential Assurance Malaysia Berhad
198301012262 (107655-U)

Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2771 0228, 03-2116 0228
E-mel: customer.mys@prudential.com.my
Laman web: www.prudential.com.my

01/2024